

25 MAY 2003

Shahidan-Malas

PERLIS TIDAK AKAN SEMBUNYIKAN WAKIL RAKYAT MALAS

KANGAR, 25 Mei (Bernama) -- Wakil-wakil rakyat Barisan Nasional (BN) di Perlis yang malas tidak akan disembunyikan malah laporan mengenai prestasi rendah mereka sentiasa dikemukakan kepada pucuk pimpinan parti, kata Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim hari ini.

Katanya, walaupun jumlah wakil rakyat BN di Perlis tidak besar, namun ada di kalangan mereka yang tidak menunjukkan prestasi cemerlang.

"Laporan mereka dihantar kepada Perdana Menteri dari semasa ke semasa," katanya semasa diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa BN akan menggugurkan wakil-wakil rakyatnya yang malas daripada senarai calon pilihan raya umum akan datang.

Ketika ditemui pemberita selepas majlis penutup kejohanan lumba basikal kebangsaan sempena sambutan hari keputeraan Raja Perlis yang ke-60 di sini hari ini, Shahidan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis berkata, ada wakil rakyat yang tidak berada di kawasan untuk tempoh yang lama.

Katanya, keadaan itu menimbulkan kesulitan kepada rakyat yang memerlukan khidmat mereka.

Bagaimanapun Shahidan yang juga Pengerusi BN Perlis tidak menamakan wakil-wakil rakyat yang disenaraikan sebagai berprestasi rendah itu.

Beliau turut bersetuju bahawa wakil rakyat yang malas tidak akan diberi ruang untuk muncul semula sebagai calon pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, Perlis hanya memerlukan wakil rakyat yang cemerlang dan sentiasa bekerja kuat untuk negara, negeri dan rakyat.

"Sekurang-kurangnya mereka mengikut rentak saya bekerja. Saya bekerja kuat dan hadir dalam semua majlis yang diundang,"katanya.

Katanya, hari ini sahaja, beliau hadir lima kegiatan bermula pukul 7 pagi dengan acara senamrobik beramai-ramai di Denai Larian Sungai Batu Pahat.

Beberapa acara lain yang dihadirinya hari ini termasuk menyertai orang ramai berjalan kaki dalam kegiatan kecergasan bermula di Kangar dan berakhir di Sungai Batu Pahat sejauh 15 kilometer.

Malam ini, Shahidan berkata, beliau akan menyampaikan bantuan ribut kepada mangsa-mangsa bencana itu di Kampung Banat dekat sini.

-- BERNAMA

AD ZB